



ASIA PACIFIC SMART SCHOOL
PANITIA BAHASA MELAYU

Nama: _____ Kelas: _____ Tarikh: _____

MEMBINA SOALAN

1. Misya telah bercadang melanjutkan pelajaran di luar negara pada tahun hadapan.
 - A Mengapakah Misya hendak belajar di luar negara pada tahun hadapan?
 - B Bilakah Misya hendak melanjutkan pelajaran di luar negara?
 - C Apakah cadangan Misya yang berada di luar negara pada tahun hadapan?
 - D Siapakah yang akan melanjutkan pelajaran di luar negara pada tahun hadapan?
2. Kompang selalu dipalu di majlis-majlis perkahwinan orang Melayu.
 - A Di manakah kompang selalu dipalu?
 - B Apakah alat muzik yang selalu dipalu di majlis perkahwinan orang Melayu?
 - C Mengapakah kompang selalu dipalu di majlis perkahwinan orang Melayu?
 - D Siapakah yang selalu memalu kompang di majlis-majlis perkahwinan orang Melayu?
3. Enjin motobotnya tidak dapat dihidupkan kerana telah dimasuki air.
 - A Bilakah enjin motobotnya tidak dapat dihidupkan?
 - B Bagaimanakah enjin motobotnya dapat dihidupkan?
 - C Adakah enjin motobotnya dapat dihidupkan?
 - D Mengapakah enjin motobotnya tidak dapat dihidupkan?
4. Pakaian mangsa-mangsa pelarian perang itu kelihatan compang-camping dan lusuh.
 - A Siapakah yang memakai pakaian yang compang-camping dan lusuh?
 - B Mengapakah pakaian mangsa-mangsa pelarian itu compang-camping dan lusuh?
 - C Bagaimanakah pakaian mangsa-mangsa pelarian perang itu?
 - D Di manakah pakaian compang-camping mangsa-mangsa pelarian perang itu?
5. Kehijauan hutan hujan tropika merupakan tarikan utama pelancong ke Sabah.
 - A Bagaimanakah keadaan hutan hujan tropika di Sabah?.
 - B Apakah yang menjadi tarikan utama pelancong ke Sabah?
 - C Siapakah yang tertarik oleh kehijauan hutan hujan tropika di Sabah?
 - D Bilakah pelancong melawat hutan hujan tropika di Sabah?

6. Firdaus mengikuti kem kecemerlangan UPSR untuk memperoleh keputusan yang cemerlang.
- A Mengapakah Firdaus mengikuti kem kecemerlangan UPSR?
 - B Di manakah Firdaus mengikuti kem kecemerlangan UPSR?
 - C Berapakah bilangan peserta yang mengikuti kem kecemerlangan UPSR?
 - D Bilakah Firdaus akan mengikuti kem kecemerlangan UPSR?
7. Saya tinggal di Kampung Medan.
- A Di manakah kamu tinggal?
 - B Siapakah yang tinggal di Kampung Medan?
 - C Apakah keunikan Kampung Medan?
 - D Bilakah kamu akan ke Kampung Medan?
8. Ya, saya pernah tinggal di Melaka.
- A Di manakah kamu tinggal?
 - B Siapakah yang menemani kamu ke Melaka?
 - C Pernahkah kamu tinggal di Melaka?
 - D Adakah negeri Melaka negeri yang indah?
9. Setiap pelajar perlu yakin dan tekun jika ingin cepat pandai.
- A Apakah sifat yang perlu ada pada pelajar?
 - B Adakah setiap pelajar perlu tekun dan rajin?
 - C Bagaimanakah sifat pelajar yang baik?
 - D Apakah sifat yang perlu ada pada setiap pelajar jika ingin cepat pandai?
10. Sikap kata-mengata antara satu sama lain tidak patut diamalkan.
- A Kenapakah sikap kata-mengata antara satu sama lain tidak patut diamalkan?
 - B Kepada siapakah sikap kata-mengata antara satu sama lain tidak patut diamalkan?
 - C Apakah sikap yang tidak patut diamalkan antara satu sama lain?
 - D Apakah hukuman jika kita kata-mengata antara satu sama lain?
11. Budak-budak itu menunggang basikal bersaing-saing sambil bersiul.
- A Apakah yang dilakukan oleh budak-budak itu?
 - B Apakah yang ditunggang oleh budak-budak itu sambil bersiul?
 - C Bagaimanakah perasaan budak-budak itu?
 - D Di manakah budak-budak itu berada?

12. Banyak bangunan lama di bandar raya Kuala Lumpur dicat menjelang sambutan Hari Kebangsaan.
- A Bilakah bangunan-bangunan lama itu dicat?
 - B Bilakah sambutan Hari Kebangsaan?
 - C Mengapakah banyak bangunan lama itu dicat?
 - D Mengapakah banyak bangunan lama di bandar raya Kuala Lumpur dicat menjelang sambutan Hari Kebangsaan?
13. Azmi akan menyambut hari jadinya pada minggu hadapan.
- A Mengapakah Azmi menyambut hari jadinya?
 - B Bilakah hari jadi Azmi?
 - C Bilakah Azmi akan menyambut ulang tahun hari kelahirannya?
 - D Apakah rancangan Azmi pada minggu hadapan?
14. Perompak itu dijatuhkan hukuman penjara selama lima tahun.
- A Bagaimanakah perompak itu dijatuhkan hukuman?
 - B Siapakah yang menjatuhkan hukuman terhadap perompak itu?
 - C Apakah hukuman yang dijatuhkan terhadap perompak itu?
 - D Mengapakah terhadap perompak itu dijatuhkan hukuman penjara?
15. Dikir barat, boria, dan ghazal adalah antara kesenian tradisional yang terkenal di negara kita.
- A Dari manakah kesenian tradisional yang terkenal di negara kita berasal?
 - B Di negeri manakah kesenian dikir barat, boria, dan ghazal terkenal di negara kita?
 - C Apakah antara kesenian tradisional yang terkenal di negara kita?
 - D Pihak manakah yang bertanggungjawab mengekalkan kesenian tradisional di negara kita?
16. Gajah semakin diancam kepupusan akibat aktiviti pembukaan hutan, pertanian, pembalakan, dan pembukaan jalan raya.
- A Di kawasan manakah kita dapat melihat gajah yang diancam kepupusan?
 - B Apakah faktor yang menyebabkan gajah semakin diancam kepupusan?
 - C Adakah gajah di negara kita semakin diancam kepupusan?
 - D Bilakah gajah mula diancam kepupusan?

17. Cara penjagaan gigi yang betul dapat mengelakkan penyakit gusi.
- A Bagaimanakah cara untuk mengelakkan penyakit gusi?
 - B Mengapakah penyakit gusi perlu dielakkan?
 - C Adakah terdapat cara penjagaan gigi yang betul untuk mengelakkan penyakit gusi?
 - D Apakah penjagaan gigi yang betul?
18. Pihak muzium terpaksa merahsiakan kawasan penemuan khazanah purba itu untuk mengelakkan kecurian.
- A Siapakah yang merahsiakan kawasan penemuan khazanah purba itu?
 - B Adakah pihak muzium merahsiakan kawasan penemuan khazanah purba itu?
 - C Mengapakah pihak muzium terpaksa merahsiakan kawasan penemuan khazanah purba itu?
 - D Bagaimanakah cara pihak muzium merahsiakan kawasan penemuan khazanah purba itu?
19. Warga tua dapat memberi sumbangan untuk membendung masalah remaja kini dengan memberi Pendidikan dari segi agama, budaya, dan sosial.
- A Bagaimanakah warga tua dapat memberi sumbangan untuk membendung masalah remaja kini?
 - B Siapakah yang dapat memberi sumbangan untuk membendung masalah remaja kini?
 - C Bilakah warga tua dapat memberi pendidikan kepada remaja kini?
 - D Benarkah warga tua dapat memberi sumbangan kepada remaja?
20. Mangsa-mangsa banjir itu dipindahkan ke kawasan yang lebih selamat.
- A Bagaimanakah mangsa-mangsa banjir itu dipindahkan?
 - B Ke manakah mangsa-mangsa banjir itu dipindahkan?
 - C Bilakah mangsa-mangsa banjir itu dipindahkan?
 - D Mengapakah mangsa-mangsa banjir itu perlu dipindahkan?
21. Punca keruntuhan moral ialah kurangnya didikan agama dan kasih sayang.
- A Apakah punca keruntuhan moral?
 - B Siapakah yang kurang mendapat kasih sayang?
 - C Apakah kesannya jika seseorang itu kurang didikan agama?
 - D Mengapakah didikan agama dan kasih sayang penting?

22. Hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Guru Besar.
- A Kepada siapakah Guru Besar menyampaikan hadiah?
 - B Siapakah yang menyampaikan hadiah kepada para pemenang?
 - C Apakah hadiah yang diberikan oleh Guru Besar kepada para pemenang?
 - D Berapa orang pemenangkah yang menerima hadiah daripada Guru Besar?
23. Kempen Menabung itu dilancarkan di sebuah bank terkemuka.
- A Apakah tujuan Kempen Menabung itu dilancarkan?
 - B Pihak manakah yang melancarkan Kempen Menabung itu?
 - C Mengapakah bank terkemuka itu melancarkan Kempen Menabung?
 - D Di manakah kempen menabung itu dilancarkan?
24. Saya akan membuktikan bahawa saya sama sekali tidak bersalah dalam perkara ini.
- A Bagaimanakah kamu dapat membuktikan bahawa kamu tidak akan bersalah?
 - B Apakah yang akan kamu lakukan?
 - C Mengapakah kamu hendak membuktikan bahawa kamu tidak bersalah?
 - D Siapakah yang akan membuktikan bahawa kamu tidak bersalah?
25. Hukuman yang berat akan dikenakan oleh kerajaan terhadap pihak yang terlibat mencemarkan udara.
- A Di manakah berlakunya pencemaran udara?
 - B Bagaimanakah langkah kerajaan untuk mengawal pencemaran udara?
 - C Apakah yang menyebabkan pencemaran udara?
 - D Mengapakah pencemaran udara perlu dikawal?
26. Setiap hari saya menelaah pelajaran selama lima jam di rumah.
- A Mengapakah anda mendapat keputusan yang cemerlang?
 - B Bilakah anda selalu menelaah pelajaran?
 - C Apakah rahsia kejayaan cemerlang anda dalam pelajaran?
 - D Siapakah yang mendorong anda hingga mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran?

27. Bandar raya Kuala Lumpur dihias indah menjelang sambutan Hari Kebangsaan.
- A Mengapakah bandar raya Kuala Lumpur dihias indah?
 - B Mengapakah bandar raya Kuala Lumpur dihias indah menjelang Hari kebangsaan?
 - C Bilakah bandar raya Kuala Lumpur dihias indah?
 - D Bagaimanakah keadaan bandar raya Kuala Lumpur setelah dihias?
28. Perniagaannya semakin maju kerana Murad seorang pemuda yang rajin dan gigih.
- A Siapakah yang rajin dan gigih berusaha?
 - B Siapakah yang semakin maju?
 - C Bilakah perniagaan Murad semakin maju?
 - D Mengapakah perniagaan Murad semakin maju?
29. Sudah tentu. Saya pun memang hendak ke pasar.
- A Bilakah kamu hendak ke pasar?
 - B Siapakah yang hendak ke pasar?
 - C Bagaimanakah awak hendak menghantar saya ke pasar?
 - D Bolehkah kamu menghatra saya ke pasar?
30. Kita dapat melihat pelbagai jenis buku di dalam perpustakaan.
- A Siapakah yang dapat melihat pelbagai jenis buku di perpustakaan?
 - B Bolehkah kita melihat pelbagai jenis buku di perpustakaan?
 - C Bagaimanakah kita dapat melihat buku di perpustakaan?
 - D Apakah yang dapat kita lihat di dalam perpustakaan?
31. Saya menerima hadiah hari jadi ini daripada ibu Nasuha.
- A Daripada siapakah awak menerima hadiah hari jadi itu?
 - B Untuk siapakah hadiah hari jadi itu?
 - C Bagaimanakah awak menerima hadiah hari jadi itu?
 - D Bilakah awak menerima hadiah hari jadi daripada ibu Nasuha?